



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
MERANGKAP PENERUSI YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

PROGRAM MALAM APRESIASI ANJUNG SINAR 2023

**GRAND BALLROOM SUNWAY RESORT & SPA HOTEL
PETALING JAYA, SELANGOR
9 OGOS 2023 (RABU) / 8.00 malam**

Kemaskini: 9 Ogos 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera kepada hadirin hadirat sekalian.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kita dapat bersama untuk **MALAM APPREIASI ANJUNG SINAR 2023** pada malam yang berbahagia ini.
2. Pertama sekali, saya ingin memberi penghargaan kepada anak-anak cemerlang lepasan Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diraikan pada malam ini. Seramai **23 Anak Sinar telah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** yang diumumkan pada 8 Jun 2023 yang lalu. Tahniah!

3. Selain itu, saya difahamkan **26 orang penghuni Institusi Kanak-Kanak JKM** yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022 telah **berjaya mendapat tawaran** daripada pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) untuk sambung belajar dan 11 orang daripadanya mendapat keputusan cemerlang sekurang-kurangnya 1A. Tahniah dan syabas sekali lagi!

4. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memastikan bahawa hak kanak-kanak di institusi terhadap pendidikan dapat diperolehi dengan sewajarnya. **Selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) di bawah Artikel 28, semua kanak-kanak berhak mendapat akses kepada** pendidikan sehingga tahap tertinggi yang mungkin. Justeru, KPWKM akan memastikan anak-anak cemerlang ini dapat melanjutkan pelajaran di peringkat tertiar dengan mengadakan kolaborasi strategik dengan pelbagai agensi pendidikan yang berkaitan.

5. **Anjung Sinar merupakan pusat transit sementara kepada anak-anak lepasan institusi JKM yang mana Anjung Sinar ini menyediakan sistem sokongan sosial bagi anak-anak yang memerlukan.** Di situ, anak-anak ini diperkasakan ke arah mencapai kehidupan yang sejahtera melalui penyediaan keperluan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup agar mempunyai peluang melanjutkan pelajaran atau kemahiran serta memperolehi akses kepada peluang pekerjaan.

6. Program ini telah mula dijalankan sejak Jun 2023 dengan penganjuran dua (2) siri bengkel bagi membangunkan garis panduan dan modul program yang bersesuaian dalam pengendalian Anjung Sinar.

7. **Anjung Sinar ini juga merupakan program yang pertama di bawah KPWKM yang menyasarkan kepada anak-anak lepasan institusi JKM** bagi memperkasakan mereka selepas keluar daripada institusi. Anjung Sinar akan membimbing anak sinar dalam tempoh yang tertentu atau sehingga mereka bersedia dan berdikari.

8. Seramai **50 anak-anak Sinar** telah mengikuti **Program Transisi Boot Camp** yang dijalankan pada **8 hingga 10 Ogos 2023**.

Pengisian program transisi ini bertujuan untuk menjana motivasi, menyumbang idea dan bakat dalam meningkatkan potensi diri, mewujudkan interaksi positif sesama peserta serta membentuk semangat kerjasama dan pemantapan jati diri.

9. Program ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada **Kementerian Pendidikan Tinggi, PERKESO** serta **MARA** bagi bimbingan serta laluan peluang kerjaya kepada anak-anak Sinar. Antaranya, **KPT telah memberikan laluan khas khusus kepada anak-anak lepasan institusi JKM untuk melanjutkan pelajaran.** Manakala PERKESO dan MARA akan menyediakan latihan bimbingan dan peluang pekerjaan kepada mereka.

10. Saya juga menawarkan peluang kepada pihak korporat, NGO dan individu untuk berganding bahu bersama kementerian melaksanakan tanggungjawab sosial dengan menyalurkan sumbangan dan menjalinkan kerjasama strategik dengan Yayasan Kebajikan Negara. **Kami di kementerian mengalu-alukan sokongan dalam bentuk pembiayaan dana pendidikan, peluang kerjaya dan aktiviti pemerksaan khusus kepada anak-anak di Anjung Sinar.** Saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas buat anak-anak ini.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah, Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh